

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kadar cukai pendapatan akan di turunkan bagi mengurangkan bebanan hidup rakyat dengan terlaksananya cukai GST.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Selaras dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan pada 1 April 2015, Kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan pelaksanaan

GST kepada rakyat seperti berikut:

- i. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas BR1M sedia ada;
- ii. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai; dan
- iii. Cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula, dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25%. Justeru, pembayar cukai akan menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak 5.3%.

Disamping itu, Kerajaan juga telah mengumumkan pakej bantuan kepada peniaga antaranya seperti berikut:

- a. Kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25% kepada 24% mulai tahun taksiran 2016;
- b. Kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan satu

- mata peratusan daripada 20% kepada 19% mulai tahun taksiran 2016;
- c. Kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan satu hingga dua mata peratusan mulai tahun taksiran 2015.
 - d. Yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai juga dibenarkan potongan cukai masing-masing sehingga RM5,000 dan RM10,000;
 - e. Pemberian bantuan tunai bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST sebanyak RM1,000 kepada PKS;
 - f. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan
 - g. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan.

Melalui langkah-langkah ini, kedua-dua pihak peniaga dan pengguna akan mendapat manfaat di mana beban kos perniagaan akan berkurangan, seterusnya memberi kebaikan kepada pengguna.